

CIMB lancar Kad Platinum Master alumni UPM

CIMB Bank Berhad melancarkan Kad Platinum Master Alumni Affinity Universiti Putra Malaysia (UPM) eksklusif untuk ahli Persatuan Alumni UPM.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Tunku Ahmad Burhanuddin berkata, syarikat

kewangan itu berbangga dapat menjalinkan hubungan dengan persatuan alumni universiti itu yang aktif dan mempunyai kekuatan kira-kira 15,000 ahlinya.

Menurutnya, dengan kerjasama terjalin itu ahli persatuan alumni universiti ber-

kenaan dapat menggunakan pelbagai perkhidmatan kewangan disediakan bank berkenaan termasuk kemudahan overdraf, pinjaman perumahan dan akses 24 jam.

Kad kredit yang ditawarkan itu juga percuma sepanjang hayat pemegangnya.

HAKIAN METRO 19/2/09.